

Lawatan Sambil Belajar Pelajar Kejuruteraan UNITEN ke Reaktor TRIGA PUSPATI

Nurhayati Ramli

Agensi Nuklear Malaysia, Komplek PUSPATI, Bangi, 43000 Kajang, Selangor.

Pusat Teknologi Reaktor (PTR) memainkan peranan yang penting di dalam mengendalikan lawatan ilmiah ke Reaktor TRIGA PUSPATI (RTP) bagi meningkatkan kefahaman para pelawat berkaitan reaktor fizik, kejuruteraan reaktor, rekabentuk fasiliti, perlindungan sinaran dan lain-lain perkara yang berkaitan. Para pelawat RTP datangnya dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta, institusi pengajian tinggi serta sekolah-sekolah di seluruh negara.

Pada 14 Julai 2022, RTP telah menerima lawatan dari para pelajar Fakulti Kejuruteraan, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). Lawatan ini telah dirancang untuk 33 orang pelajar iaitu 19 orang pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Kuasa, 12 orang pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, 1 orang pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dan 1 orang pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Awam.



Para pelajar Fakulti Kejuruteraan UNITEN bergambar bersama kakitangan PTR.

Tujuan lawatan sambil belajar ini ialah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar berkaitan prosedur kendalian RTP. Aktiviti *"RTP Operation Checklist & Reactor Power Control for Operation"* membantu para pelajar memahami dengan lebih baik mengenai struktur, sistem dan komponen (SSC) utama RTP. Selain itu, para pelajar didedahkan dengan prosedur keselamatan semasa RTP dikendalikan. Para pelajar telah dibahagikan kepada tiga kumpulan bagi memastikan sesi lawatan sambil belajar ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Pihak PTR mengucapkan terima kasih kepada pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal UNITEN, Dr. Nuraslinda Anuar dan Cik Madihah Mujaini di atas lawatan pada kali ini. Penghargaan yang tidak terhingga kepada *Malaysian Nuclear Society* (MNS) di atas kerjasama dan sokongan yang diberikan. Adalah diharapkan lebih banyak institut pengajian tinggi awam atau swasta akan mengadakan lawatan


ke RTP pada masa akan datang bagi menambah pengetahuan berkaitan teknologi reaktor.



Taklimat keselamatan dan pembahagian kumpulan.



Penerangan berkaitan SSC di pelantar reaktor (kiri) dan Sistem Penyejukan Primer (kanan).



Para pelajar berpeluang melihat *Cherenkov Effect* semasa RTP sedang beroperasi.